



21 Disember 2020
21 December 2020
P.U. (A) 366

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF GALAKAN) (PINDAAN) 2020

RENEWABLE ENERGY (FEED-IN APPROVAL AND FEED-IN TARIFF RATE) (AMENDMENT) RULES 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU
(KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF GALAKAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(a) dan (d) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) (Pindaan) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 22 Disember 2020.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 [P.U. (A) 385/2011], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2—

(a) dalam takrif “kadar tarif galakan asas”, dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “hidrokuasa kecil” perkataan “atau geoterma”;

(b) dengan memotong takrif “penggunaan sebagai bahan bangunan”;

(c) dengan memotong takrif “pepasangan PV”;

(d) dengan memotong takrif “orang asing”;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “sekutu” takrif yang berikut:

‘ “syarikat asing” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];’; dan

(f) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat asing” takrif yang berikut:

‘ “tarikh pengendalian permulaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011;’.

Pindaan kaedah 3

3. Kaedah 3 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dua puluh satu tahun” dengan perkataan “lapan belas tahun”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “orang asing yang berumur tidak kurang daripada dua puluh satu tahun” dengan perkataan “bukan warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia yang berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun”;
- (c) dalam subperenggan (c)(i), dengan menggantikan perkataan “orang asing” dengan perkataan “bukan warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia atau syarikat asing”;
- (d) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(e) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) suatu perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*]; atau”.

Pindaan kaedah 4

4. Subkaedah 4(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis,”.

Pindaan kaedah 7

5. Subkaedah 7(3) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “kepada Pihak Berkuasa” perkataan “mengikut kaedah 19A”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan” dengan perkataan “tarikh pengendalian permulaan”.

Pindaan kaedah 8

6. Subkaedah 8(3) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “kepada Pihak Berkuasa” perkataan “mengikut kaedah 19A”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan” dengan perkataan “tarikh pengendalian permulaan”.

Pindaan kaedah 10

7. Subkaedah 10(2) Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a)* dalam perenggan *(a)*, dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (b)* dalam perenggan *(b)*, dengan menggantikan perkataan “dan salinan yang diperakui sah Borang 24, 44 dan 49 di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 [*P.U. (A) 173/1966*] bagi syarikat itu yang telah difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia” dengan perkataan “, atau perlembagaan suatu syarikat, dan salinan dokumen yang diperaku di bawah seksyen 17, 46, 58, 68 dan 78 Akta Syarikat 2016; dan”; dan
- (c)* dengan memasukkan selepas perenggan *(b)* perenggan yang berikut:

“(c) model kewangan syarikat itu.”.

Pindaan kaedah 13

8. Kaedah 13 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a)* dengan menggantikan subkaedah (2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Jika kelulusan galakan suatu pemasangan tenaga boleh baharu telah diserahkan atau dipindah hakmilik kepada seorang pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu disebabkan oleh suatu kemungkiran perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu, pemegang lesen pengagihan atau sekutu pemegang lesen pengagihan itu tidak dikehendaki untuk mematuhi perenggan (1)(a) dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penyerahhakan atau pemindahan hakmilik atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa.”; dan

- (b) dalam subkaedah (3), dengan menggantikan perkataan “perenggan (2)(b)” dengan perkataan “subkaedah (2)”.

Pemotongan kaedah 13A

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 13A.

Kaedah baharu 13B

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 13A yang dipotong kaedah yang berikut:

“Permohonan untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovolta suria

13B. (1) Seorang pemegang kelulusan galakan boleh memohon kepada Pihak Berkuasa untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan fotovolta suria ke lokasi lain.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa secara bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa dan disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Pihak Berkuasa boleh, selepas berpuas hati bahawa penempatan semula yang disebut dalam subkaedah (1) tidak boleh diramal secara munasabah pada masa permohonan bagi kelulusan galakan itu, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan keputusannya kepada pemegang kelulusan galakan secepat yang dapat dilaksanakan.”.

Pindaan kaedah 16

11. Kaedah 16 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Penggantian**” perkataan “**perakuan**”;
- (b) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Jika” perkataan “suatu perakuan”;
- (c) dalam subkaedah (2), dengan memasukkan selepas perkataan “penggantian” perkataan “perakuan”;
- (d) dalam subkaedah (3)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “kemusnahan sesuatu” perkataan “perakuan”;
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “penggantian bagi” perkataan “perakuan”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “kelulusan galakan yang baharu” dengan perkataan “perakuan kelulusan galakan yang baharu”; dan
- (e) dalam subkaedah (4)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Kelulusan galakan pendua” dengan perkataan “Perakuan kelulusan galakan pendua”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “kelulusan galakan yang asal” dengan perkataan “perakuan kelulusan galakan yang asal”.

Pindaan kaedah 19

12. Kaedah 19 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (5) dengan subkaedah yang berikut:

“(5) Walau apa pun subkaedah (2), Pihak Berkuasa boleh meluluskan suatu permohonan bagi pemegang kelulusan galakan untuk menyerahkan atau memindahkan kelulusan galakan jika—

(a) pemegang kelulusan galakan atau pemegang lesen pengagihan memungkirkan perjanjian pembelian kuasa tenaga boleh baharu; atau

(b) dalam hal pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan tenaga boleh baharu fotovolt suria, pemegang kelulusan galakan mengemukakan keterangan kepada Pihak Berkuasa hakmilik strata suatu bangunan, atau penjualan atau memindahkan tanah yang padanya pemasangan tenaga boleh baharu dipasang.”.

Pindaan kaedah 21

13. Kaedah 21 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada kaedah 23, seorang pemegang kelulusan galakan adalah layak untuk menerima suatu kadar tarif galakan bonus jika pemegang kelulusan galakan itu memenuhi kriteria bagi kadar tarif galakan bonus dan mengemukakan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

Pindaan kaedah 25

14. Kaedah 25 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan selepas perkataan “kepada Pihak Berkuasa” perkataan “dan hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah (2) subkaedah yang berikut:

“(3) Orang yang terjejas boleh meminta pelanjutan masa di bawah subkaedah (1) tidak lebih daripada tiga permintaan bagi setiap kelulusan galakan dan setiap permintaan pelanjutan masa itu tidak boleh melebihi suatu tempoh lapan belas bulan.”.

Penggantian Jadual Pertama

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

[Perenggan 10(1)(g) and subkaedah 21(1)]

**KRITERIA DAN DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI
BAGI KADAR TARIF GALAKAN BONUS**

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
Biogas	(a) Penggunaan teknologi enjin gas dengan kecekapan elektrik melebihi 40%	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Apa-apa spesifikasi pengilang dan helaian data yang berkaitan

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		sebagaimana yang diuji mengikut piawaian antarabangsa oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa <i>(b)</i> Selepas ujian penerimaan: Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa teknologi yang dinyatakan dalam spesifikasi pengilang yang disebut dalam perenggan <i>(a)</i> telah dipasang dalam pemasangan tenaga boleh baharu
	<i>(b)</i> Penggunaan teknologi enjin gas yang dibuat atau dipasang secara tempatan	Selepas ujian penerimaan: <i>(a)</i> Suatu salinan yang diperaku bagi lesen pengilangan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [<i>Akta 156</i>] atau salinan yang diperaku bagi surat pengesahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		Malaysia yang mengecualikan suatu syarikat daripada peruntukan lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mengikut mana-mana yang terpakai <i>(b)</i> Perakuan ujian penerimaan kilang atau yang setara dengannya <i>(c)</i> Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa kelengkapan teknologi enjin gas daripada pengilang yang dinyatakan dalam dokumen yang disebut dalam perenggan <i>(a)</i> dan <i>(b)</i> telah dipasang dalam pemasangan tenaga boleh baharu <i>(d)</i> Suatu pengesahan bertulis daripada Pihak Berkuasa bahawa pengilang atau pemasang itu disenaraikan dalam senarai pengilang atau pemasang tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
	(c) Penggunaan tapak pelupusan, gas kumbahan atau sisa pertanian termasuk sisa haiwan sebagai sumber bahan api	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: (i) Suatu dokumen bertulis tentang pemunyaan tapak pelupusan, sistem kumbahan atau aktiviti pertanian penjana yang layak, atau salinan yang diperaku bagi surat bersyarat atau tanpa syarat daripada, atau perjanjian dengan, pihak berkuasa tempatan atau entiti lain yang berkaitan yang bersetuju untuk membekalkan penjana yang layak dengan sumber bahan api yang berkaitan (ii) Suatu dokumen bertulis yang menyatakan reka bentuk pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan biogas termasuk kelengkapan yang berkaitan bagi proses pembakaran biogas,

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		pengiraan kuantiti indikatif bagi biogas yang dikehendaki dan pengiraan kuantiti indikatif bagi tenaga boleh baharu yang hendak dijana oleh pepasangan itu (b) Selepas ujian penerimaan: Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa pentauliahan pepasangan tenaga boleh baharu menggunakan biogas telah dipenuhi
Biojisim	(a) Penggunaan teknologi pengegasan	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Apa-apa spesifikasi pengilang dan helaian data yang berkaitan sebagaimana yang diuji mengikut piawaian antarabangsa oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		<i>(b)</i> Selepas ujian penerimaan: Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa pentauliahahan pemasangan tenaga boleh baharu telah dipenuhi yang menggunakan biojisim yang menggunakan teknologi pengegasan termasuk teknologi plasma
	<i>(b)</i> Penggunaan sistem penjanaan elektrik berasaskan stim dengan kecekapan keseluruhan melebihi 20%	<i>(a)</i> Pada masa permohonan kelulusan galakan: Suatu dokumen bertulis yang menyatakan reka bentuk kecekapan pemasangan tenaga boleh baharu yang disertakan dengan pengiraan kecekapan yang berkaitan <i>(b)</i> Selepas ujian penerimaan: Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa kriteria bagi penggunaan sistem penjaan elektrik berasaskan stim dengan kecekapan keseluruhan melebihi 20% telah dipenuhi semasa pentauliahan pemasangan tenaga boleh baharu
	(c) Penggunaan dandang atau alat pengegas yang dibuat atau dipasang secara tempatan	Selepas ujian penerimaan: (a) Suatu salinan yang diperaku bagi lesen pengilangan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau salinan yang diperaku bagi surat pengesahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang mengecualikan suatu syarikat daripada peruntukan lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mengikut mana-mana yang terpakai

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		<i>(b)</i> Perakuan ujian penerimaan kilang atau yang setara dengannya <i>(c)</i> Suatu pengesahan bertulis oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa dandang atau alat pengegas daripada pengilang yang dinyatakan dalam dokumen yang disebut dalam perenggan <i>(a)</i> dan <i>(b)</i> telah dipasang dalam pemasangan tenaga boleh baharu <i>(d)</i> Suatu pengesahan bertulis daripada Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa bahawa pengilang atau pemasang itu disenaraikan dalam senarai pengilang atau pemasang tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa
	<i>(d)</i> Penggunaan sisa pepejal sebagai sumber bahan bakar	Pada masa permohonan kelulusan galakan: <i>(a)</i> Suatu dokumen bertulis tentang pemunyaan tapak pelupusan

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		penjana yang layak, atau salinan yang diperaku bagi surat bersyarat atau tanpa syarat daripada, atau perjanjian dengan, pihak berkuasa tempatan atau entiti lain yang berkaitan yang bersetuju untuk membekalkan penjana yang layak dengan sumber bahan api yang berkaitan (b) Suatu dokumen bertulis yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa yang menyatakan reka bentuk pemasangan tenaga boleh baharu yang menggunakan biojisim termasuk kelengkapan yang berkaitan bagi proses pembakaran biojisim, pengiraan kuantiti indikatif bagi biojisim yang dikehendaki dan pengiraan kuantiti indikatif bagi tenaga boleh baharu yang hendak dijana oleh pemasangan itu (c) Suatu penentusahan bertulis oleh Pihak Berkuasa bahawa

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		pentauliahan pemasangan tenaga boleh baharu telah dipenuhi dengan menggunakan biojisim
Fotovolta suria	(a) Penggunaan sebagai pemasangan dalam bangunan atau struktur bangunan	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Lukisan reka bentuk yang disertakan dengan pengesahan bertulis oleh <i>Professional Engineer with Practicing Certificate</i> yang berhubungan dengan kejuruteraan awam bahawa kriteria bagi penggunaan sebagai pemasangan dalam bangunan atau struktur bangunan itu akan dipenuhi berdasarkan lukisan reka bentuk itu (b) Selepas tarikh pengendalian permulaan: (i) Suatu pengesahan bertulis oleh <i>Professional Engineer with Practicing Certificate</i> yang berhubungan dengan kejuruteraan awam bahawa

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		modul fotovolta suria digunakan sebagai pemasangan dalam bangunan atau struktur bangunan (ii) Gambar modul fotovolta suria digunakan sebagai pemasangan dalam bangunan atau stuktur bangunan
	(b) Penggunaan sebagai bahan bangunan	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Lukisan reka bentuk yang disertakan dengan pengesahan bertulis oleh <i>Professional Engineer with Practicing Certificate</i> yang berhubungan dengan kejuruteraan awam atau struktur bahawa kriteria bagi penggunaan sebagai bahan bangunan itu akan dipenuhi berdasarkan lukisan reka bentuk itu

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		(b) Selepas tarikh pengendalian permulaan: (i) Gambar pemasangan modul fotovolta suria digunakan sebagai bahan bangunan dan aktiviti yang dilaksanakan dalam bangunan, perihalan fungsi bahan bangunan dan pelan susun atur itu (ii) Suatu pengesahan bertulis oleh <i>Professional Engineer with Practicing Certificate</i> yang berhubungan dengan kejuruteraan awam bahawa pada pendapatnya struktur bangunan itu akan kukuh sepanjang tempoh berkuat kuasa yang berkenaan

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
	(c) Penggunaan modul fotovolta suria yang dibuat atau dipasang secara tempatan	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Parameter teknikal produk modul fotovolta suria (b) Selepas tarikh pengendalian permulaan: (i) Suatu salinan yang diperaku bagi lesen pengilangan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau salinan yang diperaku bagi surat pengesahan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang mengecualikan suatu syarikat daripada peruntukan lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mengikut mana-mana yang terpakai, bagi pengilang

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		atau pemasang tempatan modul fotovolt suria, mengikut mana-mana yang berkenaan (ii) Suatu salinan yang diperaku bagi perakuan pembuatan bagi modul fotovolt suria pengilang tempatan yang dikeluarkan oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa (iii) Suatu perakuan ujian modul fotovolt suria yang dikeluarkan oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa (iv) Suatu pengesahan bertulis oleh orang berkeelayakan bahawa modul fotovolt suria daripada, pengilang yang dinyatakan dalam parameter teknikal produk

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		atau mana-mana pengilang lain atau pemasang yang disenaraikan dalam senarai pengilang atau pemasang tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa, telah dipasang dalam pemasangan tenaga boleh baharu
	(d) Penggunaan alat penyongsang fotovolt suria yang dibuat atau dipasang secara tempatan	(a) Pada masa permohonan kelulusan galakan: Parameter teknikal produk alat penyongsang suria (b) Selepas tarikh pengendalian permulaan: (i) Suatu salinan yang diperaku bagi lesen pengilangan yang dikeluarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau salinan yang diperaku bagi surat pengesahan yang dikeluarkan oleh

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang mengecualikan suatu syarikat daripada peruntukan lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mengikut mana-mana yang terpakai (ii) Suatu salinan yang diperaku bagi perakuan pengilangan alat penyongsang pengilang yang dikeluarkan oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa (iii) Suatu perakuan ujian alat penyongsang fotovolt suria yang dikeluarkan oleh badan pengujian sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa

(1) Sumber Boleh Baharu	(2) Kriteria bagi Kadar Tarif Galakan Bonus	(3) Dokumen yang Dikehendaki
		(iv) Suatu pengesahan bertulis oleh orang berkeelayakan bahawa alat penyongsang fotovolta suria daripada pengilang yang dinyatakan dalam parameter teknikal produk atau mana-mana pengilang atau pemasang lain yang disenaraikan dalam senarai pengilang atau pemasang tempatan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa, telah dipasang dalam pemasangan tenaga boleh baharu

2. Bagi maksud Jadual Pertama—

- (a) “*Professional Engineer with Practising Certificate*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];
- (b) “penggunaan sebagai bahan bangunan” ertinya penggunaan modul fotovolta suria yang berfungsi sebagai bahan atap utama tanpa bahan atap sekunder di bawah modul fotovolta suria itu yang menjalankan fungsi yang sama—
- (i) tanpa sela atap di antara modul atau di dalam seluruh kawasan liputan atap; atau

- (ii) dengan sela atap, jika bahan atap itu dibuat daripada bahan yang menghendaki atau memerlukan sela atap itu, sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa; dan
- (c) “ujian penerimaan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011.”.

Penggantian Jadual Kedua

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[Subkaedah 4(1) dan 4A(3), kaedah 13B, subkaedah 15(3), 16(2), 18(1), 24(1) dan 25(1)]

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Fi (RM)
1.	Fi permohonan bagi kelulusan galakan	10.00 bagi setiap kilowatt kapasiti terpasang (tertakluk kepada fi minimum sebanyak RM 100.00)
2.	Fi pemprosesan bagi permohonan kelulusan galakan oleh— (a) seorang individu	100.00 bagi setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Fi (RM)
	<i>(b)</i> selain seorang individu	1,000.00 bagi setiap permohonan
3.	Fi pemprosesan bagi permohonan untuk menempatkan semula pemasangan tenaga boleh baharu yang kena dibayar oleh pemegang kelulusan galakan yang merupakan— <i>(a)</i> seorang individu	500.00 bagi setiap permohonan
	<i>(b)</i> selain seorang individu	2,500.00 bagi setiap permohonan
4.	Fi pemprosesan untuk permohonan perubahan dalam butir-butir maklumat yang dibayar oleh penjana berkeelayakan yang merupakan— <i>(a)</i> seorang individu	50.00 bagi setiap permohonan
	<i>(b)</i> selain seorang individu	100.00 bagi setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Fi (RM)
5.	Fi pemprosesan bagi permohonan perubahan butir-butir maklumat kelulusan galakan yang kena dibayar oleh pemegang kelulusan galakan yang merupakan seorang individu yang berhubungan dengan— (a) kad pengenalan pendaftaran negara atau pasport	500.00 bagi setiap permohonan
	(b) kapasiti bagi terpasang pepasangan tenaga boleh baharu	500.00 bagi setiap permohonan
	(c) apa-apa butir-butir lain	150.00 bagi setiap permohonan
6.	Fi pemprosesan bagi permohonan perubahan butir-butir maklumat kelulusan galakan yang kena dibayar oleh pemegang kelulusan galakan yang merupakan selain seorang individu yang berhubungan dengan— (a) nombor pendaftaran syarikat, nombor pendaftaran perniagaan atau apa-apa nombor pendaftaran pemegang kelulusan galakan yang setara dengannya	2,500.00 bagi setiap permohonan
	(b) kapasiti terpasang bagi pepasangan tenaga boleh baharu	2,500.00 bagi setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Fi (RM)
	<i>(c)</i> apa-apa butir-butir lain	300.00 bagi setiap permohonan
7.	Fi permohonan bagi penggantian perakuan kelulusan galakan	50.00 bagi setiap perakuan
8.	Fi permohonan bagi penyerahhakkan atau pemindahan hakmilik kelulusan galakan—	
	<i>(a)</i> seorang individu	500.00 bagi setiap permohonan
	<i>(b)</i> selain seorang individu	2,500.00 bagi setiap permohonan
9.	Fi permohonan untuk permintaan pelanjutan masa di bawah kaedah 25 oleh selain seorang individu yang berhubungan dengan—	
	<i>(a)</i> pencapaian kecuali tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan	300.00 bagi setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Jenis Fi	(3) Fi (RM)
	(b) tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang dijadualkan— (i) jika pelanjutan masa dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang dijadualkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan kelulusan galakan yang dikeluarkan kepada pemegang kelulusan galakan	300.00 atau 10% daripada fi bagi permohonan kelulusan galakan sebagaimana yang ditetapkan dalam butiran 1, mengikut mana-mana yang lebih tinggi
	(ii) jika pelanjutan masa lebih daripada tempoh enam bulan tetapi tidak lebih daripada dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang dijadualkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan kelulusan galakan yang dikeluarkan kepada pemegang kelulusan galakan	300.00 atau 30% daripada fi bagi permohonan kelulusan galakan sebagaimana yang ditetapkan dalam butiran 1, mengikut mana-mana yang lebih tinggi
	(iii) jika pelanjutan masa lebih daripada tempoh dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan yang dijadualkan sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan kelulusan galakan yang dikeluarkan kepada pemegang kelulusan galakan	300.00 atau 50% daripada fi bagi permohonan kelulusan galakan sebagaimana yang ditetapkan dalam butiran 1, mengikut mana-mana yang lebih tinggi

Kecualian

17. Semua permohonan, kelulusan atau keputusan yang belum selesai di hadapan Pihak Berkuasa di bawah Kaedah-Kaedah ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, diuruskan oleh Pihak Berkuasa mengikut Kaedah-Kaedah ibu seolah-olah Kaedah-Kaedah ibu tidak dipinda oleh Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 18 Disember 2020
[KETSA; SEDA; PN(PU2)693/VI]

LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
Pengerusi
Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia

RENEWABLE ENERGY ACT 2011

RENEWABLE ENERGY
(FEED-IN APPROVAL AND FEED-IN TARIFF RATE) (AMENDMENT) RULES 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 61(a) and (d) of the Renewable Energy Act 2011 [Act 725], the Sustainable Energy Development Authority Malaysia makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Renewable Energy (Feed-In Approval and Feed-in Tariff Rate) (Amendment) Rules 2020**.

(2) These Rules come into operation on 22 December 2020.

Amendment of rule 2

2. The Renewable Energy (Feed-In Approval and Feed-in Tariff Rate) Rules 2011 [P.U. (A) 385/2011], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2—

